



POLISI ADUAN INTEGRITI

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

PERKARA

MUKA SURAT

1. Pendahuluan	3
2. Tujuan Polisi Aduan Integriti	3
3. Skop	3
4. Penerimaan Aduan	4
5. Siasatan	4

POLISI ADUAN INTEGRITI

1. Pendahuluan

- 1.1 Aduan integriti : JAIPk menggalakkan semua pihak sama ada kakitangan JAIPk, pihak luar yang berurusan dengan JAIPk atau orang awam bagi melaporkan sebarang salah laku anggota JAIPk, tatacara kerja, perbuatan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa atau tindakan yang menyalahi undang-undang .

2. Tujuan Polisi Aduan Integriti

- 2.1 Selaras dengan amalan tadbir urus terbaik, JAIPk menggalakkan semua pihak melaporkan sebarang aduan mengenai kemungkinan berlakunya sebarang salah laku rasuah, penyelewengan atau pelanggaran tatatertib yang dilakukan oleh anggota JAIPk semasa menjalankan tugas rasminya di JAIPk.
- 2.2 Memastikan pengadu dapat mengemukakan aduan tanpa rasa takut dan boleh dipercayai tanpa ada rasa bimbang
- 2.3 Menyediakan suatu proses yang amanah dan telus, setiap maklumat yang diberi oleh pengadu dapat dirahsiakan dan sulit .

3. Skop

- 3.1 Polisi ini merangkumi kemungkinan sekiranya berlaku kelakuan yang tidak ketuluan seperti berikut:
- i. Permintaan rasuah dan penerimaan rasuah;
 - ii. Penyelewengan wang;
 - iii. Gangguan/Serangan seksual;
 - iv. Fraud/penipuan;
 - v. Ugutan;
 - vi. Kesalahan jenayah;
 - vii. Gagal mematuhi kewajipan undang-undang dan peraturan; dan
 - viii. Perkara yang membahayakan kesihatan dan keselamatan individu.

4. Penerimaan Aduan

4.1 Pentadbiran ini menerima semua aduan yang dilengkapi maklumat dan bukti yang kukuh kecuali isu konflik peribadi / dalaman kakitangan . Unit integriti juga akan membuat siasatan terlebih dahulu bagi memastikan aduan yang diterima adalah benar sebelum tindakan tatatertib diambil terhadap kakitangan tersebut.

4.2 Suatu aduan yang berkualiti hendaklah mengandungi perkara asa seperti berikut :

- i. Apa kesalahan yang dilakuakn?
- ii. Siapa yang terlibat dan yang boleh membantu (pengadu/pegawai yang diadu/saksi dan lain-lain)?
- iii. Bila ia berlaku(tarikh/masa dan lain-lain)?
- iv. Dimana ia dilakukan (lokasi,bangunan,jabatan dan lain-lain)
- v. Bagaimana ia berlaku?
- vi. Dokumentasi sokongan (bukti/gambar/rakam dan lain-lain)
- vii. Indentiti Pengadu / Pemberi maklumat (nama, no. telefon dan emel)

4.3 Semua aduan integriti hendaklah dikemukakan kepada Ketua Unit Integriti. Aduan boleh dibuat melalui saluran seperti berikut:

- i. Pengadu hadir ke Unit Integriti
- ii. Melalui E-mel khas : integritijaipk@perak.gov.my
- iii. Melalui telefon : 05-208 4860
- iv. Melalui surat dialamat : Ketua Unit Integriti
Jabatan Agama Islam Perak
Tingkat 3 Kompleks Islam Darul Ridzuan
30000 Ipoh Perak Darul Ridzuan

5. Siasatan

5.1 Semua aduan yang dilaporkan oleh pengadu melalui saluran yang disediakan akan disiasat terlebih dahulu dengan telus dan adil.


5.2 Jaminan kerahsiaan untuk aduan integriti terhad kepada Pengarah, Timbalan Pengarah, Ketua Unit Integriti dan Pegawai Integriti sahaja akan dibenarkan untuk mempunyai akses untuk butiran aduan.

5.3 Di bawah **Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711)** pemberi maklumat boleh mendedahkan maklumat tersebut kepada mana-mana agensi penguatkuasaan seperti **Polis Diraja Malaysia (PDRM)** dan **Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)**.

5.4 Mengikut Akta ini, pendedahan boleh dibuat secara lisan atau bertulis. Pegawai yang diberi kuasa hendaklah mengubahnya ke dalam bentuk bertulis. Pendedahan boleh dibuat secara e-mel, telefon atau surat tetapi pengadu perlu hadir untuk pengesahan.

5.5 Pemberi maklumat yang mendedahkan kelakuan yang tidak wajar (aduan), akan diberi perlindungan di bawah Akta ini. Namun begitu boleh dibatalkan di bawah seksyen Akta seperti berikut:

- i. Pemberi maklumat sendiri telah menyertai kelakuan tidak wajar itu;
- ii. Pemberi maklumat sengaja membuat pernyataan palsu;
- iii. Pendedahan adalah remeh atau menyusahkan;
- iv. Pendedahan mempersoalkan merit dasar Kerajaan;
- v. Pendedahan dibuat semata-mata untuk mengelak daripada dibuang kerja/tindakan tatatertib yang lain; dan
- vi. Pemberi maklumat telah melakukan kesalahan di bawah Akta ini.



PENGARAH

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

No. Rujukan : Bil (18) J.A.Pk/AM/100-2/3/28

No. Pindaan / No. Keluaran : 00/01

Tarikh Kuatkuasa : 1.10.2025

